




UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**MAKLUMAT
ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA
(AKSIS 2023/2024)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA 2023/2024 UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

A) LATAR BELAKANG

Anugerah Kecemerlangan Siswa merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Anugerah ini membuka peluang kepada mahasiswa untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sahsiah di USIM bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawanan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam dan lain-lain.

B) OBJEKTIF

Penganjuran Anugerah Kecemerlangan Siswa bertujuan untuk:

- Memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan persatuan/kelab dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan program/aktiviti mahasiswa;
- Mengiktiraf peranan individu dan persatuan/kelab yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan oleh USIM dalam pelaksanaan program/aktiviti kemahasiswaan; dan
- Memberi kesedaran, motivasi serta peluang kepada para mahasiswa untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang.

C) ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN

- I. Sebanyak 17 anugerah mengikut kategori akan dipertandingkan dan 1 anugerah utama akan direbut untuk menerima gelaran Tokoh AKSIS sebagaimana kategori berikut:

ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA	
ANUGERAH UTAMA: TOKOH AKSIS	
ANUGERAH MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN	
KLUSTER KEPIMPINAN PELAJAR	
1.	Anugerah Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar
2.	Anugerah Kepimpinan Kolej Kediaman
3.	Anugerah Kepimpinan Fakulti/Persatuan/Kelab
KLUSTER PEMBANGUNAN SOSIAL	
4.	Anugerah Kepimpinan Kebudayaan
5.	Anugerah Kepimpinan Keusahawanan
6.	Anugerah Kepimpinan Sukan
KLUSTER PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN INTELEKTUAL	
7.	Anugerah Kepimpinan Pengucapan Awam
8.	Anugerah Kepimpinan Wacana Intelek
9.	Anugerah Kepimpinan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM)
KLUSTER KESUKARELAWANAN	
10.	Anugerah Kepimpinan Sukarelawan (Kesejahteraan Komuniti)
11.	Anugerah Kepimpinan Sukarelawan (Alam Sekitar)
12.	Anugerah Kepimpinan Sukarelawan (Kemanusiaan)
KLUSTER KHAS INDIVIDU	
13.	Anugerah Khas Kepimpinan Ibnu Ummu Maktum
14.	Anugerah Khas Kepimpinan Pelajar Antarabangsa
KLUSTER KHAS PASUKAN	
15.	Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik

16.	Anugerah Persatuan Pasca Siswazah
17.	Anugerah Fakulti/Persatuan/Kelab Terbaik

II. Keterangan Anugerah Mengikut Kategori Yang Dipertandingkan.

KLUSTER KEPIMPINAN PELAJAR

1. **ANUGERAH KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) peringkat MPP di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi.
2. **ANUGERAH KEPIMPINAN KOLEJ KEDIAMAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa kolej kediaman (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi kolej kediaman.
3. **ANUGERAH KEPIMPINAN FAKULTI/PERSATUAN/KELAB** dibuka kepada pemimpin mahasiswa Fakulti/Persatuan/Kelab (individu) yang berdaftar secara rasmi di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi Fakulti/Persatuan/Kelab.

KLUSTER PEMBANGUNAN SOSIAL

4. **ANUGERAH KEPIMPINAN KEBUDAYAAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program kebudayaan yang berimpak tinggi.
5. **ANUGERAH KEPIMPINAN KEUSAHAWANAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program keusahawanan berimpak tinggi.
6. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di IPT yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program sukan berimpak tinggi.

KLUSTER PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN INTELEKTUAL

7. **ANUGERAH KEPIMPINAN PENGUCAPAN AWAM** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program Pengucapan Awam seperti debat dan pidato yang berimpak tinggi.
8. **ANUGERAH KEPIMPINAN WACANA INTELEK** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program/ seminar/ persidangan/ konvensyen/ kolokium/ simposium berimpak tinggi.
9. **ANUGERAH KEPIMPINAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan dalam menganjurkan program STEM berimpak tinggi.

KLUSTER KESUKARELAWANAN

10. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (KESEJAHTERAAN KOMUNITI)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan misi/program kesukarelawanan yang menjurus kepada kesejahteraan komuniti berimpak tinggi dan meningkatkan kesedaran atau taraf ekonomi dan sosial masyarakat.
11. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (ALAM SEKITAR)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan misi/program kesukarelawanan alam sekitar berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada alam sekitar melalui program kesedaran, pemeliharaan dan pemuliharaan bagi menjamin kelestarian alam sekitar.
12. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (KEMANUSIAAN)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dalam dan menganjurkan misi/program kesukarelawanan kemanusiaan berimpak tinggi dan memberi manfaat melalui program atau usaha yang berkaitan dengan meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan manusia serta meringankan beban melalui bantuan dan sokongan dalam meningkatkan nilai kehidupan manusia bagi menjamin kelestarian berterusan.

KLUSTER KHAS INDIVIDU

13. ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN IBNU UMMU MAKTUM dibuka kepada mahasiswa (individu) orang kurang upaya di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program berimpak tinggi.

14. ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN PELAJAR ANTARABANGSA dibuka kepada pemimpin mahasiswa antarabangsa (individu) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program berimpak tinggi dan memberi kesan kepada komuniti tempatan.

KLUSTER KHAS PASUKAN

15. ANUGERAH PASUKAN SUKARELAWAN TERBAIK dibuka kepada mana-mana kumpulan/pasukan/badan/kelab sukarelawan (berpasukan) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program kesukarelawanan berimpak tinggi.

16. ANUGERAH PERSATUAN PASCA SISWAZAH dibuka kepada kumpulan/pasukan/badan/kelab pasca siswazah (berpasukan) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program berimpak tinggi.

17. ANUGERAH FAKULTI/PERSATUAN/KELAB TERBAIK dibuka kepada fakulti/persatuan/kelab (berpasukan) di USIM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program berimpak tinggi.

Pemenang anugerah (1) hingga (12) secara **automatik layak bertanding** untuk mendapat **Anugerah Utama: Tokoh AKSIS. Kluster Khas Individu dan Kluster Khas Pasukan tidak layak** untuk bertanding **Anugerah Utama: Tokoh AKSIS.**

D) PENGHARGAAN KHAS NAIB CANSOLOR

Penghargaan Khas Naib Canselor diberi kepada mahasiswa USIM yang telah mendapat **pengiktirafan** di peringkat **kebangsaan dan antarabangsa** secara individu. Penerima penghargaan khas Naib Canselor hendaklah memenangi sama ada **tempat pertama, kedua atau ketiga** dalam semua bidang **KECUALI** sukan yang telah memberi impak yang tinggi dan berterusan sepanjang pengajian. Penghargaan khas Naib Canselor tidak dipertandingkan dalam Anugerah Tokoh AKSIS.

E) PENGHARGAAN KHAS PENERUSA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Penghargaan Khas Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti diberi kepada mahasiswa USIM yang telah mendapat **pengiktirafan** di peringkat **kebangsaan dan antarabangsa** secara berpasukan. Penerima penghargaan khas Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti hendaklah memenangi sama ada **tempat pertama, kedua atau ketiga** dalam semua bidang **KECUALI** bidang sukan yang telah memberi impak yang tinggi dan berterusan sepanjang pengajian. Penghargaan khas Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti tidak dipertandingkan dalam Anugerah Tokoh AKSIS.

F) KRITERIA PEMARKAHAN

i. Calon-calun akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- a) Kluster Kepimpinan
- b) Kluster Pembangunan Sosial
- c) Kluster Pembangunan Akademik dan Intelektual
- d) Kluster Kesukarelawanan
- e) Kluster Khas Individu

Perkara Dinilai	Markah (%)
Maklumat Diri	20
Impak Program	50
Impak Anugerah	10
Soalan Terbuka	20
Jumlah keseluruhan	100

f) Kategori Khas Pasukan

Perkara Dinilai	Markah (%)
Impak Program	100
Jumlah keseluruhan	100

ii. Calon yang dicalonkan oleh PTj akan **ditemuduga oleh Panel Penemuduga**. Pecahan markah bagi sesi temuduga anugerah ini adalah seperti berikut:

- a) Kluster Kepimpinan
- b) Kluster Pembangunan Sosial
- c) Kluster Pembangunan Akademik dan Intelektual

d) Kluster Kesukarelawanan

PERKARA	PECAHAN MARKAH
TEMUDUGA	
SESI PERTAMA <ul style="list-style-type: none"> • Temuduga berkumpulan dalam bentuk <i>role play</i> • Bahasa Inggeris 	40%
SESI KEDUA <ul style="list-style-type: none"> • Temuduga individu 	60%
JUMLAH KESELURUHAN	100%


e) Kluster Khas Individu

PERKARA	PECAHAN MARKAH
TEMUDUGA	
<ul style="list-style-type: none"> • Temuduga individu 	100%
JUMLAH KESELURUHAN	100%

f) Kluster Khas Pasukan

PERKARA	PECAHAN MARKAH
TEMUDUGA	
<ul style="list-style-type: none"> • Temuduga pasukan 	100%
JUMLAH KESELURUHAN	100%

- iii. Pemenang 12 kategori yang dipertandingkan akan secara automatik layak bertanding untuk Anugerah Utama dan diiktiraf sebagai Tokoh AKSIS.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

SYARAT-SYARAT PENCALONAN ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA 2023/2024

- 1) Penyertaan adalah **terbuka kepada semua mahasiswa USIM warganegara Malaysia** yang belajar secara **sepenuh masa** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 2) Pencalonan bagi **Anugerah Khas Kepimpinan Pelajar Antarabangsa** hanya dibuka kepada mahasiswa antarabangsa di USIM yang belajar secara **sepenuh masa** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 3) Pencalonan bagi **Anugerah Khas Kepimpinan Ibnu Ummu Maktum** hanya dibuka kepada **mahasiswa kurang upaya** di USIM yang belajar **sepenuh masa** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 4) Pencalonan bagi **Anugerah Persatuan Pasca Siswazah** dibuka kepada **persatuan mahasiswa** di USIM yang belajar **sepenuh masa** di peringkat **Sarjana dan Doktor Falsafah** sahaja.
- 5) Calon hendaklah berstatus **aktif dalam pengajian sehingga 31 Ogos 2024**.
- 6) Penilaian adalah bagi pencapaian dan program yang dianjurkan sepanjang **Sesi Akademik 2023/2024 (bermula 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024)** sahaja.
- 7) Calon mestilah memiliki **CGPA TERKINI** sekurang-kurangnya **3.00**.
- 8) Borang pencalonan yang telah lengkap hendaklah disahkan oleh **PENCADANG dan Dekan/Pengarah/Pengetua Kolej Kediaman**.

Nota:

Permohonan	Pencadang	Pengesah
Fakulti	Timbalan Dekan (HEPA)	Dekan
Kolej	Felo Kolej Kediaman	Pengetua Kolej Kediaman
PTj	Pegawai/Penasihat	Pengarah

- 9) Calon hendaklah mengemukakan **HANYA 2 PROGRAM SAHAJA YANG MENUNJUKKAN PENCAPAIAN BERSAMA-SAMA BUKTI** yang dilaksanakan pada sesi **2023/2024 (bermula 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024)**.
- 10) Tarikh tutup permohonan adalah pada **6 Disember 2024 (Jumaat) jam 5.00 petang**.
- 11) Pemenang 12 kategori individu (kecuali Kluster Khas Individu) yang dipertandingkan akan secara automatik layak bertanding untuk Anugerah Utama dan diiktiraf sebagai Tokoh AKSIS.
- 12) Borang yang **Tidak Lengkap** atau **Terdapat Sebarang Penipuan TIDAK** akan diproses.
- 13) Keputusan Jawatankuasa Anugerah Kecemerlangan Siswa adalah **MUKTAMAD**.